

1. **TAJUK:** Garis panduan permohonan pinjaman radas, bahan kimia dan barang pakai habis untuk pelajar Projek Tahun Akhir Pusat Pengajian Sains Kajihayat.
2. **SKOP:** Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pengurusan permohonan pinjaman dan pengambilan radas kaca, bahan kimia, dan barang pakai habis untuk pelajar Projek Tahun Akhir Pusat Pengajian Sains Kajihayat.
3. **PROSEDUR PERMOHONAN PINJAMAN RADAS, BAHAN KIMIA DAN BARANG PAKAI HABIS UNTUK PELAJAR PROJEK TAHUN AKHIR PPSKH:**
  - 3.1 Borang permohonan (**PPSKH/STOR/FYP 02**) hendaklah diisi dalam **dua(2)** salinan (contoh borang seperti di **Lampiran A2**). Borang permohonan boleh diperolehi daripada Pejabat Am PPSKH atau laman sesawang bio.usm.my. Salinan pertama untuk rekod Bilik Pinjaman Radas Tahun Akhir (Bilik 322/G08) dan salinan kedua untuk simpanan pelajar
  - 3.2 Pastikan nama, jenis dan kuantiti barang adalah betul. Borang permohonan yang tidak lengkap dengan sendirinya akan ditolak. Pelajar hanya dibenarkan memohon bahan kimia dan barang pakai habis yang umum (*common*).
  - 3.3 Pelajar dikehendaki melengkapkan maklumat yang diperlukan dan seterusnya borang berkenaan perlu disahkan oleh Pensyarah/Penyelia Projek Tahun Akhir
  - 3.4 Borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar terus ke Bilik Pinjaman Radas Tahun Akhir (Bilik 322/G08) untuk tujuan semakan.
  - 3.5 Staf bertanggungjawab perlu memastikan borang yang diterima lengkap dan mencatatkan tarikh penerimaan borang.
  - 3.6 Borang akan diproses dalam masa **lima(5) hari bekerja** sebelum giliran mengambil barang. Perbekalan bahan adalah tertakluk kepada kelulusan dan keperluan serta stok semasa.
  - 3.7 Sekiranya terdapat sebarang pindaan atau tambahan barang yang diperlukan, pelajar perlu membuat permohonan baru.
  - 3.8 Staf bertanggungjawab hendaklah merekod pergerakan pengeluaran barang dari Bilik Pinjaman Radas Tahun Akhir untuk tujuan pengiraan stok dan audit.
  - 3.9 Pelajar perlu memastikan semua radas kaca yang dipinjam dikembalikan dalam keadaan bersih setelah tamat Projek Tahun Akhir.
4. **PENAFIAN:** Permohonan barang keperluan Projek Tahun Akhir perlu dibuat oleh pelajar tahun akhir sahaja. Permohonan selain daripada pelajar tahun akhir tidak akan diproses.
5. **LOKASI:** Bilik 322/G08 Bilik Pinjaman Radas Tahun Akhir